

21. DASAR MEMBINA SEMULA RUMAH-RUMAH YANG MUSNAH OLEH KEBAKARAN DAN BENCANA ALAM YANG LAIN

1. Jika rumah yang hendak dibina semula itu mempunyai kelulusan yang kurang dari 1,000 kaki persegi dan mana-mana satu dari 19 pelan-pelan jenis tara yang telah diluluskan oleh Majlis itu hendak digunakan, maka perlulusan secara automatik akan diberikan oleh Majlis.
2. Jika salah satu dari 19 pelan-pelan tetap jenis tara itu bersesuaian kepada pemunya bangunan yang berkenaan, maka Pelukis Pelan Bangunan Majlis hendaklah menolong pemunya itu di dalam menyediakan satu pelan yang berasaskan kepada keadaan sebenar rumah yang asal itu.
3. Jika kelulusan rumah yang akan dibina semula itu lebih dari 1,000 kaki persegi dan pemunya bangunan itu pula orang yang berkemampuan, maka ianya kenalah menggunakan perkhidmatan seorang Arkitek yang berdaftar ataupun seorang Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar.
4. Jika kelulusan rumah yang akan dibina semula itu lebih dari 1,000 kaki persegi dan tuannya bukan seorang yang berkemampuan, kes-kes itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Ad-hoc. Majlis hendaklah meminta pelukis pelannya untuk menyediakan pelan kasar untuk bangunan itu dan Majlis akan mengecualikan kehendak Undang-undang Kecil 10 Lembaga Luar Bandar (Pulau Pinang). Pelan yang disediakan oleh pelukis Majlis akan dibentangkan kepada Majlis untuk pertimbangan sebagai pelan kasar yang mana tidak berkehendakkan tandatangan atau dikemukakan oleh Arkitek atau Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar.
5. Jika tapak bagi rumah yang telah terbakar ini tidak dipunyai oleh pemunya bangunan itu, maka Majlis tidak akan menerima sebarang tanggungjawab. Pemunya bangunan yang berkenaan akan kenalah mendapatkan keizinan daripada pemunya tanah yang berkenaan; jika tidak, ianya hendaklah memberikan satu bon lepas tanggungan (anindemnity bond) yang mana membebaskan Majlis dari sebarang tanggungan di masa depan.
6. Jika tapak yang terjejas itu bertentangan dengan perlingkungan yang diluluskan ataupun yang dicadangkan bagi tapak tersebut, maka tiap satu kes itu akan dipertimbangkan mengikut buruk baiknya masing-masing.
7. Di mana pelan-pelan dikemukakan melalui Arkitek-arkitek ataupun melalui Pelukis-pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar, maka pelan-pelan sedemikian akan dipertimbangkan di satu mesyuarat "tergempar" Jawatankuasa Sementara. Arkitek/Pelukis Pelan berdaftar yang berkenaan akan juga dipanggil untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat "tergempar" yang sedemikian itu.
8. Jika rumah itu telahpun dibina semula tanpa mendapat perlulusan Majlis terlebih dahulu, maka bayaran-bayaran pelan bangunan yang lebih tinggi akan dikenakan. Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes kesusahan, bayaran-bayaran sedemikian boleh dihapuskan ataupun dasar tersebut boleh dilonggarkan supaya walaupun bayaran-bayaran itu tidak dibayarpun, pelan-pelan itu akan diproseskan.
9. Garispanduan-garispanduan ini adalah terpakai hanya kepada rumah-rumah jenis sementara saja.
10. Garispanduan-garispanduan ini adalah juga terpakai kepada rumah-rumah sementara yang dimusnahkan oleh bencana-bencana alam yang lain seperti banjir, ribut dan sebagainya.

(Diluluskan pada 26.3.81)